

# USIM

## anjur pesta konvokesyen 13-16 Nov.

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Pesta Konvokesyen Ke-12 selama empat hari bermula 13 hingga 16 November depan di Dewan Besar universiti tersebut.

Sempena majlis tersebut, universiti itu memaklumkan bahawa burung hud-hud telah dipilih sebagai tema konvokesyen tahun ini bagi memberi inspirasi kepada bakal graduan untuk meneruskan perjuangan dalam mencapai cita-cita dan berjaya dalam bidang mereka.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung yang hadir pada pesta yang bermula dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah malam sepanjang majlis konvokesyen tersebut.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, USIM memaklumkan pihaknya menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang majlis itu antaranya adalah Simposium Ekonomi Kebangsaan, Pertandingan Bayi Comel, ceramah keagamaan oleh penceramah terkemuka tanah air dan antarabangsa.

"Selain itu, pelbagai aktiviti sukan seperti futsal, basikal dan permainan tradisional turut diadakan sesuai untuk semua lapisan masyarakat," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, tahun ini merupakan julung kalinya Pesta Konvokesyen diterajui sepenuhnya oleh pelajar dan mendapat kerjasama daripada akhbar *Utusan Malaysia* sebagai media rasmi.

"Seramai 410 pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi Dan Muamalat yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, dan Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian atau lebih dikenali dengan ahli iCEPS10 terlibat menguruskan pesta konvokesyen sebagai kerja khusus mereka," katanya.